

5 universiti kaji ISM

Putrajaya: Lima universiti awam dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan pengukuran kepada lapan bidang yang terdapat dalam Indeks Syariah Malaysia (ISM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, lima universiti itu adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau berkata, semua universiti itu mempunyai pakar dalam bidang Maqasid Syariah dan indeks menjalankan pengukuran dalam bidang politik, ekonomi, undang-undang, sosial, kesihatan, budaya, pendidikan serta prasarana persekitaran.